AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL



IBU bapa Aidil @ Erjuand Christian terima kehilangannya dengan reda.

KEMATIAN REMAJA DIDAKWA AKIBAT KELEMAHAN DIAGNOSA

# JKN Sabah lakukan siasatan menyeluruh

Oleh Johary Indan
am@hmetro.com.my

**Kota Kinabalu**

Jabatan Kesihatan Sabah memandang serius kes seorang remaja lelaki meninggal dunia disebabkan denggi didakwa berpunca kelemahan diagnosa pegawai perubatan yang bertugas di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tuaran.

Pengarahnya, Datuk Dr Asits Sanna berkata, siasatan menyeluruh dan telus sedang berjalan dalam usaha mengenal pasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan rawatan kesihatan kepada rakyat.

"Ketika ini, Hospital Tuaran memiliki empat pakar yang bertugas iaitu seorang pakar perubatan am, dua pakar pediatrik dan seorang pakar perubatan kecemasan.

"Siasatan awal sudah dilaksanakan jabatan kesihatan dengan menyemak rekod perubatan pesakit ketika kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tuaran," katanya pada kenyataan, semalam.

Dr Asits berkata, rekod menunjukkan, pesakit hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tuaran pada 25 Disember 2023 dan 28 Disember 2023.

"Pesakit adalah seorang warganegara lelaki berusia 18 tahun dan berasal dari Kampung Bulieng, Tuaran.

"Pesakit hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Tuaran jam 11.23 pagi pada 25 Disember dengan gejala sakit ulu hati (epigastric pain) dan muntah selama sehari.

"Berdasarkan rekod, pesakit tidak mengadu sebarang gejala lain seperti demam, cirit-birit, sakit dada atau sesak nafas.

"Selain itu, pemeriksaan tanda vital semasa menerima rawatan juga adalah stabil dengan bacaan suhu adalah normal," katanya.

> "Berdasarkan rekod, pesakit tidak mengadu sebarang gejala lain" Dr Asits

Beliau berkata, pesakit terbabit diberikan rawatan ubat gastrik dan ubat tahan muntah melalui suntikan intravena sebelum dibenarkan pulang selepas kira-kira sejam pengawasan di zon pemerhatian.

Sehubungan itu, katanya, pesakit terbabit turut dinasihati datang semula dengan segera ke hospital jika gejala bertambah teruk.

"Kemudian, pesakit datang semula ke Unit Kecemasan dan Trauma, Hospital Tuaran pada jam 8.50 pagi, 28 Disember kerana gejala pendarahan daripada hidung, demam, muntah-muntah, cirit-birit dan kurang selera makan," katanya.

Beliau berkata, pesakit kemudiannya diperiksa oleh pakar perubatan kecemasan bertugas di Hospital Tuaran dan disahkan menghidap penyakit denggi pada kedatangan kali kedua itu.

Katanya, memandangkan keadaan pesakit ketika itu tidak stabil, pesakit dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu untuk rawatan lanjut pada jam 11.30 pagi, hari yang sama.

Bagaimanapun, Dr Asits berkata, pesakit disahkan meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Queen Elizabeth pada hari berikutnya.

## 'Sedih tapi reda dengan pemergian anak kedua kami'

**Tuaran:** Lily Pius, 40, yang juga ibu kepada remaja yang meninggal dunia akibat demam denggi berdarah di sini, reda dengan pemergian anaknya, namun mengharapkan ia menjadi iktibar dan pengajaran untuk semua pihak.

"Sehingga kini kami masih sukar menerima pemergian Aidil, tetapi siapalah kita, hidup dan ajal ada di tangan Tuhan.

"Bagaimanapun, saya harap tragedi ini menjadi iktibar dan tidak berulang kepada sesiapapun," katanya ditemui di kediamannya di Kampung Bulieng, di sini, semalam.

Terdahulu, Aidil @ Erjuand Christian, 18, yang juga anak kedua daripada enam beradik, dihantar ke Hospital Tuaran pada 25 Disember dan kali kedua pada 28 Disember sebelum disahkan menghidap demam denggi berdarah.

Remaja terbabit dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth sebelum disahkan meninggal dunia 29 Disember akibat penyakit itu.

Sementara itu, bapa mendiang Aidil, Erwend Noun, 47, memaklumkan, ada sedikit kesilapan maklumat berkaitan kronologi peristiwa yang menimpa anaknya.

"Saya bagi pihak keluarga memohon maaf kerana terdapat sedikit kesilapan maklumat yang diberikan kepada Tangau (Ahli Parlimen Tuaran Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau).

"Mungkin ini disebabkan keadaan kami yang masih berkabung pada ketika itu menyebabkan kesilapan tidak disengajakan," katanya.

Sebelum itu, tular di media sosial apabila hantaran Facebook Madius Tangau berhubung kisah mendiang Aidil mencuri perhatian netizen.

Dalam video berdurasi empat minit 51 saat itu, Madius Tangau menceritakan remaja berkenaan yang dihantar mendapatkan rawatan di Hospital Tuaran sebanyak tiga kali namun hanya diberikan panadol, ubat pecah kahak, pam asma serta suntikan antimual sebelum akhirnya meninggal dunia.

> "Bagaimanapun, saya harap tragedi ini menjadi iktibar dan tidak berulang kepada sesiapa pun" -Lily

> "Ada sedikit kesilapan maklumat berkaitan kronologi peristiwa yang menimpa Aidil" -Erwend

## 12 kematian komplikasi demam denggi dilapor

**Georgetown:** Sebanyak 12 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan bagi Minggu Epidemiologi ke-52 di Pulau Pinang sehingga 30 Disember lalu.

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam kenyataannya berkata, secara kumulatif sebanyak 7,346 kes demam denggi dilaporkan dalam tempoh berkenaan.

"Mengikut data, kematian tertinggi direkodkan di daerah Seberang Perai Tengah (SPT) iaitu lima kes diikuti Seberang Perai Selatan (empat), Timur Laut (dua) dan Barat Daya (satu).

"Bagaimanapun, bagi epid minggu pertama 2024 setakat semalam (kelmarin), tiada kematian dilaporkan namun bilangan wabak semasa berjumlah 33 yang mana SPT kekal mencatatkan rekod tertinggi iaitu 22," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Sehubungan itu, JKNPP menasihati orang ramai agar melakukan langkah pencegahan dan kawalan sendiri bagi membasmi pembiakan nyamuk di kawasan kediaman atau premis.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA




AIDIL meninggal dunia akibat demam denggi berdarah ketika dirawat di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu pada 28 Disember lalu.

# Ibu reda anak maut akibat denggi, tetapi diberi ubat asma

**TUARAN** – Ibu remaja yang meninggal dunia akibat demam denggi berdarah reda dengan pemergian anaknya, namun mengharapkan ia menjadi iktibar serta pengajaran untuk semua pihak.

Lily Pius, 40, berkata, kehilangan anak kedua daripada enam beradik itu sangat dirasai mereka sekeluarga.

"Memang sehingga kini kami masih sukar untuk menerima pemergian Aidil, tetapi siapalah kita, hidup dan ajal manusia ada di tangan Tuhan.

"Walau bagaimanapun, saya mengharapkan tragedi ini menjadi suatu iktibar dan berharap agar perkara yang sama tidak berulang lagi kepada sesiapa di masa hadapan," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Bulieng.

Terdahulu, tular di media sosial apabila hantaran Facebook Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berhubung kisah mendiang Aidil yang didakwa diberi ubat cair kahak dan asma ketika ke Hospital Tuaran pada 25 Disember.

Remaja itu masukkan ke Hospital Queen Elizabeth setelah keadaannya itu kritikal akibat denggi berdarah pada 28 Disember dan meninggal hari yang sama.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr Asits Sanna memandang serius kes itu dan mendapati pesakit ketika menerima rawatan ada gejala pendarahan pada hidung, demam dan muntah.

"JKNS ambil serius kes remaja itu akibat denggi jika didakwa berpunca dari kelemahan diagnosis pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tuaran," jelasnya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

THE STAR, THURSDAY 4 JANUARY 2024

# Teen's dengue death under probe for poor diagnosis

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: The Sabah Health Department is investigating any discrepancies or weaknesses by staff at the Tuaran district hospital in their diagnosis of a teenager who died from dengue fever on Dec 28.

State department director Datuk Dr Asits Sanna said based on his medical records, the 18-year-old was brought to the hospital's Emergency and Trauma Department unit on Dec 25.

He showed symptoms of heartburn (epigastria pain) and had been vomiting for a day but had not complained of any other symptoms such as fever, diarrhoea, chest pain or shortness of breath.

The patient's vital signs and body temperature were also stable, Dr Arsit said, adding that gastric and anti-vomiting medicine was administered intravenously.

The patient was allowed to go home after a six-hour observation, he said in a statement yesterday.

The patient was advised to return immediately to the hospital if his condition worsened and was prescribed painkillers and gastric medicine.

On Dec 28, the patient came back with symptoms of nosebleed, fever, vomiting, diarrhoea and also a lack of appetite.

The doctor on hand immediately diagnosed it as dengue and the boy was referred to Hospital Queen Elizabeth 2 here for further treatment on the same day.

Unfortunately, the teenager was pronounced dead at the intensive care unit that same day.

The issue of a possible poor diagnosis was highlighted by Tuaran MP Datuk Seri Wilfred Madius Tangau in a Facebook post after he visited the family members who were mourning the boy's death.

Dr Arsit said that the department was conducting a "thorough and transparent investigation" and also identifying possible improvements that could be put in place for quality healthcare in the state.

He said the Tuaran hospital has four specialists on duty – a physician, two paediatricians and a trauma specialist.

The teenager was the second child among six boys in the family. His father Erwend Noun, 47, apologised for mistakenly telling Madius that his son had been sent to the hospital three times instead of twice.

"On behalf of our family, I apologise for the wrong information given to the Tuaran MP.

"Perhaps this was due to us still mourning at the time, causing a mistake," he said, confirming that his son was sent to the hospital on Dec 25 and Dec 28.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL



# Beware of harmful health supplements

Products independently purchased online may not be necessary or even detrimental to individual well-being: Experts

BY **SIVANISVARRY MORHAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** While purchasing supplements online is convenient, Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh warned consumers that it is risky to buy them without the guidance of a pharmacist.

She said pharmacies, health stores and vending machine operators are now offering an extensive range of dietary supplements, from vitamins and minerals to herbal extracts and protein powders.

"Probiotics and prebiotics, for instance, have become popular as Malaysians are now more conscious of their gut health and digestive well-being.

"The demand for plant-based supplements is also rising since Malaysians are now increasingly leaning towards vegan and vegetarian options."

However, Sharifa said poor oversight and knowledge about individual health conditions can lead to unintended consequences when consumers make uninformed decisions.

According to Health Ministry statistics, almost 9,000 new kidney failure patients are registered annually, and they require dialysis treatment.

The prevalence of chronic kidney disease in Malaysia has been on the rise, it said, adding that the consumption of unregistered health supplements was among the factors contributing to kidney disease.

"From January 2018 until December 2022, the National Pharmaceutical Regulatory Agency received 67 reports of adverse events associated with renal functions suspected to be due to the consumption of health supplements.

"Of these, 14 were suspected to be due to the use of unregistered health supplements."

Sharifa said in recent years, the health and wellness industry has boomed due mainly to the popularity of dietary supplements, with many individuals opting to purchase such products independently.

Malaysian Coalition on Ageing chairman Cheah Tuck Wing said the elderly are now squandering their money on unnecessary supplements and falling prey to the marketing and promotional tactics of independent sellers.

"These supplements can sometimes be harmful. Unless the senior citizens have specific vitamin deficiencies, maintaining a balanced diet with ample greens, fruits and protein should be enough," he said.

Cheah emphasised that it is advisable to consult professionals such as dieticians, medical doctors and pharmacists to determine the necessity for supplements, rather than making decisions influenced by advertisements, social media or peer recommendations.

Sharifa said while supplements can offer health benefits, they should not be taken randomly.

"When it comes to the elderly, interactions with prescription medications, allergies and underlying health conditions must be carefully considered.

"Some pills can irritate the oesophagus, causing discomfort or choking, while some 'natural' products may contain synthetic ingredients."

She said without the expertise of a pharmacist, individuals may inadvertently combine supplements that could negatively impact their health.

"Certain vitamins or minerals can interfere with the absorption or effectiveness of prescription medications, leading to diminished therapeutic effects or even harmful side effects," she warned.

Sharifa also said purchasing supplements from unverified sources or obscure online platforms can expose consumers to the risk of counterfeit or contaminated products.

"The absence of a pharmacist's guidance may cause individuals to purchase products that do not meet regulatory standards. This can cause harm instead of providing the intended health benefits."

She said the supplement industry is saturated with products claiming to offer 'miraculous' health benefits, and consumers may find themselves spending significant amounts of money on products that may not be necessary or suitable for their needs.

She advised consumers to prioritise their well-being by consulting healthcare professionals before incorporating supplements into their daily routines.

"The collaboration between consumers and pharmacists is crucial in promoting safe and effective supplement usage in the pursuit of better health."